

02 MAR 2001

JCM-MAHIR

JCM BERJANJI TINGKATKAN KEMAHIRAN REMAJA

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Lembaga 2001 Dewan Remaja Malaysia (JCM) berjanji akan terus meningkatkan kemahiran kepemimpinan dan keusahawanan remaja di Malaysia, demikian menurut Presiden Kebangsaan Ngui Ing Ing.

Lembaga yang baru dipilih juga memutuskan pada mesyuarat pertamanya Januari lepas untuk mengadakan perkongsian bijak dengan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ini akan membolehkannya mewujudkan lebih banyak peluang bagi para anggotanya dan para penerima faedah yang disasarkan meningkatkan potensi mereka untuk berjaya di tempat kerja, masyarakat dan arena global, katanya.

"Pada tahun 2001 ini, kami akan menganjurkan beberapa program pembangunan kepemimpinan dan keusahawanan yang diharapkan akan meningkatkan kemahiran dan kebolehan remaja-remaja Malaysia dari semua kalangan," katanya.

Sementara itu, antara agenda lain untuk tahun ini adalah program-program pemuliharaan alam sekitar, jaringan perniagaan antarabangsa dan teknologi maklumat dan komunikasi. JCM juga akan mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan menerusi jaringan antarabangnya.

JCM adalah sebahagian daripada Dewan Remaja Antarabangsa (Junior Chamber International) yang diasaskan pada Disember 1944.

Bilangan anggotanya kini adalah 1,397 rakyat Malaysia dan mempunyai 39 fasal. -- BERNAMA

MKO FR JR